



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
29 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)

AKHBAR

MUKA SURAT

Sinar Harian

| | |
|--|----|
| - Sindiket judi Selangor guna taktik pusat panggilan | 10 |
| - DBKL kompaun kontraktor tapak pembinaan | 36 |



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
29 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)

| | |
|--------------|--|
| Akhbar | Sinar Harian |
| Tajuk Berita | Sindiket judi Selangor guna taktik pusat panggilan |
| Muka Surat | 10 |

Sindiket judi di Selangor guna taktik pusat panggilan

SINAR 29/11/19 ms 10



Fadzil (kiri) dan Ketua Polis Daerah Gombak, Asisten Komisioner Arifai Tarawe melupuskan set komputer yang dirampas dalam operasi basmi judi di daerah itu.

GOMBAK - Modus operandi sindiket perjudian di Selangor kini telah berubah daripada premis dan peralatan judi sebagai tarikan kepada pusat panggilan.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Selangor, Senior Asisten Komisioner Fadzil Ahmat berkata, sejak Januari hingga November tahun ini, jumlah tangkapan dibuat pihak polis bagi judi *call center* dan dalam talian ialah seramai 3,470 orang.

"Daripada jumlah itu, seramai 101 orang warga tempatan ialah ketua dan ahli sindiket serta diambil tindakan di bawah Akta Pencegahan Jenayah (POCA).

"Trend perjudian di Selangor melibatkan komputer dan simulator berkurangan. Mereka (suspek) beralih kepada judi dalam talian menggunakan *calling center*.

"Mereka guna satu ruang pejabat sebagai *call center* di mana perjudian

boleh dilakukan secara dalam talian dan bertaruh melalui gajet seperti telefon bimbit," katanya pada sidang akhbar selepas Majlis Pelupusan Barang Kes di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Gombak di sini semalam.

Katanya, seramai 93 ahli sindiket telah diambil tindakan di bawah POCA melibatkan warga China seramai 61 orang, Indonesia (26 orang), rakyat tempatan lima orang dan Myanmar seorang.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
29 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)

| | |
|--------------|---|
| Akhbar | Sinar Harian |
| Tajuk Berita | DBKL kompaun kontraktor tapak pembinaan |
| Muka Surat | 36 |

DBKL kompaun kontraktor tapak pembinaan

SINAR 29/11/19 ms 36

KUALA LUMPUR - Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mengeluarkan tiga notis kompaun dalam operasi di tapak pembinaan di Jalan Kuchai Maju di sini kelmarin.

Menerusi satu kenyataan, DBKL memaklumkan Operasi Tapak Bersepadu itu dilaksanakan ke atas sebarang kerja-kerja atau ak-

tiviti tapak pembinaan yang dijalankan tanpa mematuhi syarat kelulusan perintah pembangunan serta kawalan vektor ditetapkan.

"Tindakan diambil di bawah kesalahan dan peruntukan undang-undang Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) dan Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) serta mengikut

bidang kuasa yang dikuatkuasakan agensi sahabat yang terlibat sama," katanya.

Difahamkan, operasi bersepadu itu dilaksanakan dengan kerjasama daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM).

DBKL memaklumkan, seramai 50 pekerja di tapak

pembinaan turut diperiksa menerusi operasi terbabit.

"Pemeriksaan itu dilakukan oleh PDRM bagi memastikan tiada sebarang pelanggaran syarat, permit pekerjaan dan kesalahan dokumen perjalanan.

"JBPM turut mengeluarkan satu notis Menghapus Bahaya Kebakaran semasa operasi itu," katanya.